



## **UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

### **PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER II SESI 2011/2012**

NAMA KURSUS	:	KENEGARAAN DAN PEMBANGUNAN MUTAKHIR MALAYSIA
KOD KURSUS	:	UWS10103/UMS1113
PROGRAM	:	1 BED/ BEU 2 BDD/ BED/BEU/BIT/BPC 3 BDD/ BIT/BPC 4 BDD/BIT/BPC
TARIKH PEPERIKSAAN	:	JUN 2012
JANGKA MASA	:	2 JAM 30 MINIT
ARAHAN	:	A) JAWAB SEMUA SOALAN DALAM BORANG OMR YANG DISEDIAKAN  B) DILARANG MEMBAWA KERTAS SOALANINI KELUAR DARI DEWAN PEPERIKSAAN

**KERTAS SOALANINI MENGANDUNG DUA PULUH SATU (21) MUKA SURAT**

**S1** Apakah yang dimaksudkan dengan konsep negara?

- A Satu pertubuhan pusat yang mengekalkan satu sistem peraturan ke atas masyarakat
- B Satu badan yang merangka dan melaksanakan dasar-dasar untuk semua rakyat di dalam sesebuah negara
- C Satu lembaga yang mempunyai kewibawaan yang sah dalam hal keselamatan perancangan dan pengalaman dasar-dasar
- D Kehidupan oleh sekumpulan manusia yang menduduki sesebuah wilayah yang tetap di bawah penyelenggaraan kerajaan dan tidak tertakluk dengan kuasa luar

**S2** Elemen-elemen penting dalam sesebuah negara adalah seperti berikut **kecuali**

- A tanah
- B bangsa
- C kerajaan
- D sempadan

**S3** Kedaulatan bagi sesebuah negara sangat penting untuk

- A menjamin negara bangsa yang kuat
- B menjaga martabat bangsa dan negara
- C menyekat perkembangan kuasa besar
- D menjamin perpaduan dan kesejahteraan rakyat

**S4** Menurut Syed Ahmad Hussein (1996), kerajaan bermaksud

- A satu rangkaian institusi yang mentadbir masyarakat dan negara
- B satu pertubuhan yang mengekalkan satu sistem peraturan ke atas masyarakat
- C satu badan yang merangka dan melaksanakan dasar-dasar untuk semua rakyat di dalam sesebuah negara
- D satu lembaga yang mempunyai kewibawaan yang sah dalam hal keselamatan perancangan dan pengalaman dasar-dasar

**S5** Perasaan kekitaan (*esprit de corp*) dalam kalangan rakyat Malaysia boleh dibentuk menerusi

- A Islam Hadhari
- B Jalur Gemilang
- C Satu Malaysia
- D Malaysia Gemilang

- S6 Apakah maksud konsep raja berkuasa mutlak di dalam pentadbiran Empayar Kesultanan Melayu Melaka?
- A Kedudukan dan hak raja tidak boleh dipersoalkan dan diganggu-gugat  
B Raja menjadi lambang dan simbol kemakmuran serta kekuasaan kerajaan  
C Raja menjalankan pentadbiran harian dan dibantu oleh pembesar-pembesar negeri  
D Raja menerajui angkatan tentera dan menjadi ketua agama Islam di peringkat negeri
- S7 Apakah ciri sosio-politik Empayar Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15?
- A Pengamalan pentadbiran demokrasi  
B Warisan daripada Kesultanan Majapahit di Pulau Jawa  
C Pentadbiran dipengaruhi oleh Hinduisme dan Buddhisme  
D Raja penentu kepada kemajuan dan kemunduran kerajaan
- S8 Fahaman tentang “*the white men burden*” menjadi asas imperialisme kerana penjajah
- A ingin menjadi kuasa besar  
B merasa bosan dengan kebekuan Eropah  
C ingin mencari tapak baru untuk mengaut hasil bumi  
D merasa bertanggungjawab mentamadunkan manusia
- S9 Episod awal campur tangan British di Tanah Melayu bermula dengan peristiwa
- A Perjanjian Inggeris–Belanda  
B Francis Light menduduki Pulau Pinang  
C Stamford Raffles menduduki Singapura  
D Perjanjian Burney di antara British dan Siam
- S10 Semua pernyataan berikut mengenai kegiatan ekonomi semasa penjajahan British di Tanah Melayu adalah benar **kecuali**
- A kekayaan di Tanah Melayu dieksplotasi oleh British  
B pengenalan sistem pecah dan perintah berdasarkan kaum  
C kegiatan ekonomi tertumpu di bahagian timur Tanah Melayu  
D perekonomian bergantung kepada perusahaan bijih timah dan getah

**S11** Usaha awal British untuk campur tangan di dalam politik negeri-negeri Melayu wujud semasa

- A Perjanjian Pangkor
- B Perjanjian Bangkok
- C Perjanjian Persekutuan
- D Perjanjian Inggeris-Belanda

Soalan 12 berdasarkan Jadual 1 di bawah

Jadual 1

Kerajaan A	Kerajaan B
• Gangga Negara	• Perlak
• Kuala Selinsing	• Samudera
• Jenderam Hulu	• Majapahit

**S12** Kerajaan A dan B adalah contoh kerajaan Melayu Awal di Kepulauan Melayu

Kerajaan A dan B merujuk kepada

- A kerajaan kecil dan empayar
- B kerajaan besar dan empayar
- C kerajaan kecil dan kerajaan besar
- D kerajaan besar dan kerajaan kecil

**S13** Apakah faktor utama keruntuhan Empayar Kesultanan Melayu Melaka?

- A Tidak mendapat bantuan ketenteraan daripada negeri naungannya
- B Tidak ada panglima tentera yang kuat seperti Laksamana Hang Tuah
- C Pemerintahan yang lemah menyebabkan keadaan kucar-kacir berlaku
- D Singapura mengambil alih tempat Melaka sebagai pusat perdagangan utama di Kepulauan Melayu

**S14** Siapakah pembesar tempatan dalam masyarakat Melayu tradisional?

- A Penghulu
- B Laksamana
- C Temenggung
- D Panglima besar

**S15** Berikut merupakan sistem yang diamalkan dalam pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka

- A Sultan, Pembesar Empat, Pembesar Lapan, Pembesar Dua Belas
- B Sultan, Pembesar Lapan, Pembesar Empat, Pembesar Tiga Puluh Dua
- C Pembesar Empat, Pembesar Dua Belas, Sultan, Pembesar Tiga Puluh Dua
- D Sultan, Bendahara, Syahbandar, Pembesar bergelar Raja, Pembesar peringkat rendah

Soalan 16 berdasarkan Pernyataan 1

**Pernyataan 1**

Perkembangan kuasa atau kawalan sama ada secara langsung oleh sesuatu kerajaan, bangsa atau masyarakat ke atas bangsa dan masyarakat lain

(George Nadel)

**S16** Pernyataan di atas merujuk kepada definisi


- A patriotisme
- B federalisme
- C imperialisme
- D nasionalisme

**S17** Pegawai British yang bertanggungjawab untuk mendapatkan tandatangan persetujuan Raja-Raja Melayu berhubung pembentukan Malayan Union ialah

- A J.W.W Birch
- B Edward Gent
- C Gerald Templer
- D Harold Mac Michael

## Soalan 18 berdasarkan Rajah 1

Rajah 1



- S18** Rajah di atas menunjukkan negeri-negeri paling awal yang menerima pengaruh British di Tanah Melayu mengikut kronologi. X dan Y merujuk kepada

	X	Y
A	Perak	Negeri Sembilan
B	Singapura	Pahang
C	Pulau Pinang	Melaka
D	Negeri Sembilan	Pahang

- S19** Pilih padanan yang salah

	Kuasa Penjajah	Tempoh Masa Penjajahan
A	Jepun	2 Tahun
B	British	129 Tahun
C	Belanda	183 Tahun
D	Portugis	130 Tahun

- S20** Apakah kesan penubuhan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB)?

- A Kuasa sultan dikembalikan
- B Ipoh menjadi ibu pejabat persekutuan
- C Ketua NNMB digelar sebagai Residen
- D Beberapa jabatan diwujudkan untuk penyelarasan

**S21** Tugas utama penasihat Inggeris yang dipanggil Residen ialah

- A bertindak sebagai pentadbir utama sesebuah negeri dan wajib dipatuhi rakyat
- B menasihati sultan dalam hal ehwal pentadbiran kecuali adat istiadat dan agama Islam
- C campurtangan dalam adat istiadat dan agama Islam serta memungut cukai menggantikan tugas pembesar
- D mentadbir negeri secara lebih sistematik dan menjimatkan kos serta meningkatkan hasil kekayaan negara

**S22** Apakah kelemahan utama sistem pendidikan di Tanah Melayu semasa penjajahan British?

- A Bilangan sekolah adalah terhad
- B Tidak ada dasar pelajaran kebangsaan
- C Kegiatan ko-kurikulum tidak dititikberatkan
- D Bahasa Melayu tidak diajar di semua sekolah

**S23** Apakah pembaharuan pentadbiran yang dijalankan oleh Jepun semasa menjajah di Tanah Melayu?

- A Jepun mengamalkan pentadbiran secara berpusat
- B Jepun menubuhkan tentera Melayu bagi melawan komunis
- C Jepun menyerahkan Kelantan, Terengganu dan Pahang kepada Thailand
- D Jepun menggabungkan Tanah Melayu dengan Sumatera di bawah satu pentadbiran

**S24** Pernyataan berikut adalah benar mengenai kesan dasar pecah dan perintah oleh British **kecuali**

- A penghususan kerja
- B pemetakkan petempatan
- C kerencaman masyarakat
- D permasalahan intra etnik

**S25** Institusi pendidikan Melayu yang menerapkan fahaman nasionalisme ialah

- A Maktab Perguruan Sultan Idris
- B Maktab Melayu Kuala Kangsar
- C Maktab Perguruan Melayu Melaka
- D Maktab Perguruan Temenggung Ibrahim

- S26** Berikut merupakan nasionalis Melayu yang berjuang melalui bidang akhbar dan kewartawanan **kecuali**
- A Abdul Rahim Kajai  
B Abdul Samad Ahmad  
C Syed Sheikh Ahmad al-Hadi  
D Tan Sri Hajjah Zainon Munshi Sulaiman
- S27** Pernyataan berikut merupakan kepentingan semangat patriotisme terhadap negara **kecuali**
- A memartabatkan maruah dan imej  
B mempertahankan hak dan kedaulatan  
C memperjuangkan keadilan dan kesamarataaan  
D menekankan kepekaan terhadap halatuju pembangunan
- S28** Siapakah di antara berikut merupakan tokoh perjuangan menentang British di negeri Sabah?
- A Mat Kilau  
B Mat Salleh  
C Tok Naning  
D Tok Janggut
- S29** Tokoh yang **tidak** mengetuai perjuangan menentang British di negeri Pahang ialah
- A Mat Kilau  
B Tok Gajah  
C Tok Janggut  
D Dato' Bahaman
- S30** Apakah sebab kebangkitan orang Melayu menentang Malayan Union?
- A Bukan bumiputera turut menikmati hak-hak istimewa seperti bumiputera  
B Perlembagaan Malayan Union digubal tanpa mengambil kira pandangan orang Melayu terlebih dahulu  
C Sir Edward Gent menggunakan ugutan untuk mendapatkan persetujuan daripada raja-raja Melayu  
D British bertindak menahan para pemimpin Melayu yang mengetui kebangkitan rakyat menentang Malayan Union

**S31** Manakah antara perkara berikut **bukan** merupakan hasil persetujuan misi kemerdekaan ke London?

- A Rakyat di Tanah Melayu diberi dua taraf kerakyatan
- B Tanah Melayu dimasukkan dalam lingkungan Komanwel
- C British mendapat hak menempatkan tenteranya di Tanah Melayu
- D Penubuhan sebuah badan khas bagi menggubal Perlembagaan Tanah Melayu

**S32** Apakah tujuan Sistem Ahli ditubuhkan?

- A Memilih ahli-ahli yang bakal menjadi menteri
- B Memberi latihan kepada pemimpin tempatan dalam hal ehwal pentadbiran
- C Mendapatkan pandangan rakyat tentang Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948
- D Memastikan pemimpin tempatan membantu pihak British mengukuhkan kuasa di Tanah Melayu

**Soalan 33 berdasarkan Jadual 2**

**Jadual 2**

<b>Simbol</b>	<b>Peristiwa</b>
O	Malayan Union
P	Suruhanjaya Reid
Q	Pilihanraya Persekutuan
R	Persekutuan Tanah Melayu

**S33** Susun peristiwa-peristiwa berikut mengikut kronologi.

- A O, Q, P dan R
- B P, O, R dan Q
- C O, R, Q dan P
- D P, O, Q dan R

**S34** Antara pernyataan berikut, yang manakah **tidak benar** mengenai kesan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948?

- A Kuasa kerajaan negeri diperluaskan
- B Kuasa raja-raja Melayu dikembalikan
- C Singapura digabungkan dan diletakkan di bawah satu kerajaan pusat
- D Majlis Mesyuarat Kerja dan Majlis Mesyuarat Perundangan Persekutuan ditubuhkan

**S35** Sebab utama pemimpin-pemimpin politik di Sabah dan Sarawak menentang gagasan Malaysia di peringkat awal kerana

- A bimbang persaingan ekonomi dari Singapura
- B tidak yakin dengan kandungan Perlembagaan Malaysia 1957
- C tidak mahu membangkitkan kemarahan Indonesia dan Filipina
- D jangkaan bahawa Tanah Melayu akan menguasai Sabah dan Sarawak secara mutlak

**S36** Penubuhan Malaysia telah ditentang oleh Indonesia dan Filipina

Apakah gagasan yang telah dibentuk pada tahun 1963 untuk menyelesaikan penentangan tersebut?

- A Gagasan ASA
- B Gagasan SEATO
- C Gagasan ASEAN
- D Gagasan MAPHILINDO

**S37** Bilakah Malaysia ditubuhkan dengan rasminya?

- A 12 September 1963
- B 14 September 1963
- C 16 September 1963
- D 18 September 1963

**S38** Tujuan penubuhan Suruhanjaya Cobbold pada 1961 ialah untuk

- A menggubal perlembagaan Malaysia
- B mengkaji ancaman komunis di Kepulauan Borneo
- C meninjau pendapat rakyat Singapura tentang gagasan Malaysia
- D meninjau pendapat orang Sabah dan Sarawak tentang gagasan Malaysia

**S39** Penubuhan Malaysia dilaksanakan dengan cara yang terancang dan penuh diplomasi. Hal ini menggambarkan bahawa

- A kekerasan dan keganasan tidak mampu membentuk sebuah negara yang berdaulat
- B penubuhan kerajaan baru memerlukan kepada proses diplomasi dan rundingan yang berterusan
- C persetujuan dan kepercayaan rakyat membolehkan diplomasi dapat dilaksanakan dengan berkesan
- D diplomasi dan rundingan merupakan cara yang terbaik untuk membentuk sebuah kerajaan yang diterima oleh semua pihak

Soalan 40 berdasarkan Pernyataan 2 di bawah

Pernyataan 2

Kerjasama UMNO-MCA → Pilihan Raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur 1952

S40 Berapakah jumlah kerusi yang dimenangi oleh parti di atas?

- A 8 kerusi
- B 9 kerusi
- C 10 kerusi
- D 12 kerusi

S41 Pihak British telah bersetuju untuk memberi kemerdekaan kepada Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957. Dimanakah Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj telah membuat perisytiharan tarikh kemerdekaan tersebut?

- A Bandar Hilir, Melaka
- B Stadium Negara, Kuala Lumpur
- C Stadium Merdeka, Kuala Lumpur
- D Padang Kelab Selangor, Kuala Lumpur

S42 Berikut merupakan Senarai Bersama yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia **kecuali**?

- A Biasiswa
- B Kewangan
- C Perumahan
- D Perparitan dan pengaliran

S43 Antara pernyataan berikut, yang manakah **tidak benar** tentang konsep raja berperlembagaan yang diamalkan di Malaysia?

- A Perdana Menteri menjalankan kuasa eksekutif atas nama Yang di-Pertuan Agong
- B Yang di-Pertuan Agong berfungsi sebagai ketua kerajaan dengan menjalankan tugas-tugas secara simbolik
- C Kabinet perlu melapor kepada Yang di-Pertuan Agong tentang hal ehwal pemerintahan Persekutuan jika diminta berbuat demikian
- D Yang di-Pertuan Agong boleh bertindak mengikut budi bicaranya dalam perkara-perkara tertentu yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan

**S44** Organisasi tertinggi yang menjalankan kuasa perundangan kerajaan Persekutuan ialah

- A Kabinet
- B Parlimen
- C Kementerian
- D Dewan Rakyat

Soalan 45 berdasarkan pernyataan 3

Pernyataan 3

- Merancang dan menyelaras segala dasar kerajaan negeri
- Menentukan pelaksanaan dasar-dasar oleh agensi-agensi kerajaan negeri

**S45** Fungsi di atas merujuk kepada

- A Jabatan Perdana Menteri
- B Pejabat Kemajuan Negeri
- C Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
- D Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan Kerajaan Negeri

**S46** Demokrasi berparlimen merupakan satu konsep yang mendaulatkan kebebasan setiap rakyat dalam menentukan pucuk kepimpinan negara

Apakah ciri utama konsep berkenaan?

- A Mengadakan sidang parlimen
- B Mengadakan pilihanraya bebas
- C Melantik Perdana Menteri dalam kalangan rakyat
- D Mengamalkan kawal imbang kuasa badan pemerintahan

**S47** Siapakah yang mempunyai bidang kuasa memelihara kedudukan hak istimewa orang-Melayu dan bumiputera?

- A Sultan
- B Perdana Menteri
- C Yang di-Pertuan Agong
- D Majlis Raja-Raja Melayu

**S48** Pernyataan manakah di antara berikut menerangkan doktrin pengasingan kuasa?


- A Pengasingan kuasa di antara kementerian-kementerian
- B Pengasingan kuasa di antara ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat
- C Pengasingan kuasa di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri
- D Pengasingan kuasa di antara badan eksekutif, perundangan dan kehakiman

**S49** Apakah yang dimaksudkan dengan Perlembagaan Persekutuan Malaysia?

- A Undang-undang tertinggi yang menjadi asas kepada pembentukan sesebuah kerajaan
- B Undang-undang tertinggi yang tidak boleh dipinda yang menjadi asas kepada pembentukan sesebuah kerajaan
- C Undang-undang tertinggi yang boleh dipinda sewenang-wenangnya yang menjadi asas kepada pembentukan sesebuah kerajaan
- D Undang-undang tertinggi yang digubal oleh parti yang memenangi pilihan raya yang menjadi asas kepada pembentukan sesebuah kerajaan

Soalan 50 berdasarkan Rajah 2

Rajah 2



**S50** Rajah di atas menunjukkan proses penggubalan dan kelulusan sesuatu rang undang-undang oleh badan perundangan persekutuan di Malaysia.

Di peringkat manakah prinsip-prinsip am rang undang-undang dibahaskan?

- A Peringkat Jawatankuasa
- B Dewan Rakyat (Bacaan Pertama)
- C Dewan Rakyat (Bacaan Kedua)
- D Dewan Rakyat (Bacaan Ketiga)

Soalan 51 berdasarkan maklumat di bawah

Jadual 3

<b>Rangka Panjang (RRJP)</b>	<b>Rancangan Jangka</b>	<b>Dasar yang berkaitan</b>	
I	RRJP 1	X	Dasar Ekonomi Baru
II	RRJP 2	Y	Dasar Wawasan Negara
III	RRJP 3	Z	Dasar Pembangunan Nasional

- S51** Padanan manakah yang betul antara Rangka Rancangan Jangka Panjang dengan dasar yang berkaitan
- A I : Y, II : Z dan III : X
  - B I : Y, II : X dan III : Z
  - C I : X, II : Z dan III : Y
  - D I : X, II : Y dan III : Z
- S52** Dalam menangani masalah hubungan antara kaum pasca kemerdekaan, kerajaan telah menubuhkan
- A Jabatan Kerjasama Antara Negeri
  - B Jabatan Perhubungan Antara Kaum
  - C Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
  - D Jabatan Perpaduan Negara dan Pluralisasi kaum
- S53** Rancangan Malaysia Ketiga dilaksanakan dari tahun
- A 1976 – 1980
  - B 1971 – 1975
  - C 1981 – 1985
  - D 1986 – 1990
- S54** Pernyataan berikut merupakan fokus strategi Dasar Pembangunan Nasional **kecuali**
- A membasmi kemiskinan mutlak disamping mengurangkan kemiskinan relatif
  - B meningkatkan penglibatan sektor swasta dalam proses penyusunan semula masyarakat
  - C mengalihkan tumpuan daripada sebuah negara berorientasikan pertanian kepada negara yang berorientasikan perdagangan
  - D mewujudkan guna tenaga dan pembangunan yang pesat dalam sesebuah masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera

**S55** Pembasmian kemiskinan dalam Dasar Wawasan Negara adalah berfokus kepada kemiskinan

- A mutlak
- B relatif
- C mutlak dan relatif
- D bandar dan pedalaman

**S56** Dasar Pendidikan Kebangsaan mempunyai objektif untuk menyatupadukan kanak-kanak sekolah berbilang kaum dan pada masa yang sama dapat menyediakan tenaga kerja bagi keperluan ekonomi

Bagaimana strategi pelaksanaan dasar ini dapat dicapai?

- A Peluang pendidikan atas selama 6 tahun
- B Melenturkan bidangan mengikut kesesuaian
- C Pendidikan yang menyeluruh, seimbang dan bersepadu
- D Sistem peperiksaan berdasarkan sekolah kebangsaan dan jenis kebangsaan

**S57** Apakah matlamat utama Dasar Pertanian Negara?

- A Mengusahakan perniagaan tani secara cekap dan efisyen
- B Ke arah pemantapan sumbangannya kepada negara secara menyeluruh
- C Mengkomersilkan output dengan penggunaan sains dan teknologi moden
- D Memaksimakan pendapatan melalui penggunaan sumber negara secara cekap

**S58** Wawasan 2020 diwujudkan untuk memenuhi keperluan berikut, **kecuali**

- A satu fokus nasional
- B perjanjian sosio-politik
- C agenda pembangunan nasional
- D strategi menghadapi ancaman luar

**S59** Sains dan teknologi sangat penting kepada negara kerana ia mampu

- A menghasilkan nilai tambah produk
- B membangunkan ekonomi perindustrian moden
- C merangsangkan penyelidikan dan pembangunan
- D mewujudkan penambahaikan kemudahan infrastruktur

- S60** Manakah pernyataan paling tepat mengenai Dasar Penswastaan?
- A Perkongsian atau usahasama mengendalikan projek sektor kerajaan  
B Memindahkan fungsi dan aktiviti sektor kerajaan kepada sektor swasta  
C Sektor swasta merancang dan menentukan projek-projek kerajaan yang perlu diperbadankan  
D Mengendalikan sepenuhnya projek-projek bagi menggalakkan penjimatan perbelanjaan negara
- S61** Wawasan 2020 telah diumumkan dalam persidangan pertama Majlis Perniagaan Malaysia dalam kertas kerja bertajuk
- A *A Future of Malaysia*  
B *Malaysia: One Step Ahead*  
C *Malaysia, The Way Forward*  
D *The Way Forward of Malaysia*
- S62** Kejayaan Malaysia menjadi anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) melambangkan hubungan yang berbentuk
- A bilateral  
B trilateral  
C unilateral  
D multilateral
- S63** Dua konsep utama yang diamalkan dalam pemerintahan di Malaysia ialah
- A Kerajaan Berpelembagaan dan Raja Mutlak  
B Raja Mutlak dan Presiden Berpelembagaan  
C Demokrasi Terpimpin dan secara Autoritarian  
D Raja Berpelembagaan dan Demokrasi Berparlimen
- S64** Pernyataan yang berikut adalah benar tentang budaya inovasi dalam nilai-nilai aspirasi 1Malaysia **kecuali**
- A kesediaan rakyat Malaysia mencuba perkara baharu dan berinovasi  
B kesediaan rakyat Malaysia menerima perubahan dengan persetujuan bersama  
C kesediaan rakyat Malaysia mencari jalan penyelesaian baharu dalam menangani masalah  
D kesediaan rakyat Malaysia menerima perubahan ekstrem yang di luar daripada kelaziman budaya

**S65** FELDA lahir daripada fikiran dan daya usaha

- A Tun Hussein Onn
- B Tun Abdul Razak Hussein
- C Tun Dr. Ismail Abd Rahman
- D Tun Dr. Mahathir Mohamad

**S66** Dasar manakah yang diwujudkan untuk mengatasi masalah antara sektor swasta dengan sektor awam?

- A Dasar Penswastaan
- B Dasar Pandang ke Timur
- C Dasar Perindustrian Negara
- D Dasar Pensyarikatan Malaysia

**S67** Peranan utama sebagai seorang warganegara ialah

- A mengenali diri serta mencintai bangsa dan negara
- B mewujudkan masyarakat yang mempunyai daya kompetensi
- C bersemangat kekitaan, berdisiplin dan hidup bermasyarakat serta harmoni
- D memahami dan menghargai usaha-usaha negara dalam kemajuan dan pembangunan

**S68** Tema-tema yang berikut pernah digunakan semasa menyambut hari kemerdekaan negara **kecuali**

- A Keranamu Malaysia
- B Malaysiaku Gemilang
- C Malaysia Tanahair Tercinta
- D Negara Kita Tanggungjawab Kita

**S69** Apakah faktor-faktor utama yang membawa kepada keagungan Empayar Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka?

- I Pemimpin yang adil dan bijaksana
- II Hubungan dengan kuasa-kuasa besar seperti China
- III Pusat agama Islam dan kebudayaan Melayu serumpun
- IV Kedudukan geografinya yang terletak di antara pusat-pusat perdagangan

- A I dan II
- B I, III dan IV
- C II, III dan IV
- D Semua di atas

**S70** Parti Perikatan Sarawak (SUPP) telah ditubuhkan pada bulan Oktober 1962. Antara berikut, yang manakah mencerminkan perjuangan parti tersebut?

- I Menyokong perjuangan SUPP
- II Menentang penubuhan Malaysia
- III Berusaha menyekat pengaruh SUPP
- IV Menyokong Sarawak menyertai Malaysia

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Soalan 71 berdasarkan Pernyataan 4 di bawah

**Pernyataan 4**

Suruhanjaya Cobbold ditubuhkan untuk meninjau pendapat rakyat Sabah dan Sarawak dalam penyertaan ke dalam Malaysia

**S71** Apakah hasil tinjauan tersebut?

- I Satu pertiga penduduk menyokong dengan syarat
- II Satu pertiga penduduk menyokong gagasan Malaysia
- III Satu pertiga penduduk tidak menyokong gagasan Malaysia
- IV Satu pertiga penduduk inginkan kemerdekaan terlebih dahulu

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

S72 Bagaimakah Jawatankuasa Antara Kaum (JAK) berperanan memperincikan cadangan dari Suruhanjaya Cobbold?

- I Menjanjikan kemerdekaan segera
  - II Menerangkan penubuhan Malaysia
  - III Membincangkan hak dan kepentingan penduduk Sabah dan Sarawak
  - IV Membentuk perlombagaan baru berdasarkan cadangan Suruhanjaya Cobbold
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

S73 Manakah antara nilai-nilai aspirasi berikut terkandung dalam konsep 1Malaysia?

- I Ilmu
  - II Ketepatan
  - III Ketabahan
  - IV Berprestasi tinggi
- A I dan IV
  - B I, II dan III
  - C II, III dan IV
  - D Semua di atas

S74 Apakah peranan anda sebagai mahasiswa UTHM dalam memahami dan menghayati aspirasi negara bagi menjayakan konsep 1Malaysia?

- I Mengamalkan integriti dan nilai murni dalam kehidupan sehari-hari
  - II Bekerjasama dan berbaik sangka dengan semua rakan-rakan walaupun berlainan etnik
  - III Menutup minda pada maklumat yang difikirkan boleh merosakkan keamanan dan keharmonian negara
  - IV Membantu pihak-pihak tertentu meluaskan anasir-anasir negatif yang bertujuan untuk merosakkan hubungan kaum di Malaysia
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C III dan IV
  - D I, II dan III

**S75** Susun peristiwa mengikut kronologi yang betul.

- I Rundingan Kemerdekaan
  - II Pilihanraya Umum Persekutuan yang pertama
  - III Pilihanraya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur
  - IV Pilihanraya Majlis Perbandaran George Town, Pulau Pinang
- 
- A IV, III, II dan I
  - B I, III, IV dan II
  - C IV, II, III dan I
  - D III, I, IV dan II

**S76** Kejayaan Malaysia dalam pembentukan negara moden dapat dilihat melalui

- I perpaduan kaum
  - II kematangan berpolitik
  - III pemantapan sektor ekonomi
  - IV pembangunan sains dan teknologi
- 
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II, III dan IV
  - D Semua di atas

**S77** Penghayatan yang kurang terhadap semangat nasionalisme kini berpunca daripada

- I pengawasan ibu bapa yang ketat
  - II masyarakat yang bertambah materialistik
  - III kerjasama dan kompromi antara kaum berkurangan
  - IV asas pengetahuan sejarah bangsa, agama dan negara yang kurang
- 
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D II, III dan IV

**S78** Berikut merupakan perkara-perkara sensitif dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang tidak boleh dipersoalkan?

- I Agama Islam
  - II Pemerintahan beraja
  - III Kedudukan bahasa Melayu
  - IV Kedudukan Perdana Menteri
- 
- A I, II, dan III
  - B I, II, dan IV
  - C I, III, dan IV
  - D II, III, dan IV

**S79** Antara berikut yang manakah cara-cara pindaan Perlembagaan Persekutuan Malaysia dilakukan?

- I suara majoriti dalam Parlimen
  - II diperkenankan Sultan atau Raja
  - III diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong
  - IV dengan persetujuan dua per tiga ahli Majlis Parlimen
- 
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C III dan IV
  - D II dan III

**S80** Pilih pernyataan yang **betul** mengenai masyarakat majmuk.

- I Kepelbagaian adat resam
  - II Sistem politik mengikut kaum
  - III Agama dan kaum yang berlainan
  - IV Bahasa ibunda yang berbagai-bagai
- 
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C II, III dan IV
  - D Semua di atas